

# PA sediakan rumah latihan seni silat

ANAK HARI 22. OCT 1987

PERSATUAN Rakyat (PA), dalam usaha 'memajukan' perkembangan seni silat di sini, telah menyediakan kemudahan baru bagi membolehkan pencinta silat menjalani latihan mereka.


Kemudahan itu berupa sebuah kantin dalam sebuah bangunan dekat Ibu pejabat PA di Kallang yang sebelumnya digunakan, bersama beberapa bangunan lain di sekitarnya, oleh Telecons tetapi telah dikembalikan kepada PA.

Kerja-kerja mengubahbelok kantin yang lengkap dengan pejalat, dapur dan tandas itu sedang giat dijalankan sekarang. Pentadbiran rumah silat itu diserahkan kepada Persatuan Jurulatih Seni Pertahanan Diri Singapura (SMALA) lebih sebulan lalu.

Menanyakan mengapa Persatuan Silat Singapura (Persis) tidak beri keutamaan menggunakan tempat itu, Timbalan Pengarah (Belia) PA, Encik Yee Lai Meng, berkata: "Sejak dulu lagi, PA ingin membantu memajukan perkembangan seni silat.

"Dengan adanya bangunan baru ini hubungan yang baik antara kumpulan silat dengan kumpulan seni pertahanan diri yang lain dapat dijalin dengan lebih erat.

Menurut beliau, Persis telah bekerja rapat dengan PA untuk memajukan seni silat dengan membantu menganjurkan tiga pertandingan silat antara balai rakyat sejauh ini.



**UNTUK MEMAJUKAN SENI SILAT:** Sejak dulu lagi, PA ingin membantu memajukan perkembangan seni silat, kata Encik Yee. Kantin yang sedang diubahelok kelihatannya di belakngan beliau.

Ini juga adalah ekoran daripada kesungguhan Ketua Pengarah Eksekutif PA, Encik Lee Chong Giam, untuk memajukan kegiatan Melayu di PA, termasuk silat.

Encik Yee berkata oleh kerana Persis kini lebih dekat dengan SMALA, ia mungkin boleh bergabung menganjurkan acara tertentu. Ini akan mengukuhkan hubungan yang sedia ada.

Kerja-kerja ubahbelok yang menelan belanja sekitar \$30,000 itu dibiayai oleh SMALA.

Persis yang akan menggunakan tempat itu lima hari seminggu, berusaha sendiri untuk

membantu mengumpul dana. Ini meringankan tanggungjawab SMALA.

Antara projek yang sedang dirancang oleh SMALA ialah majlis jamuan malam pada 30 Januari tahun depan.

Menurut Encik Yee, seorang anggota Parlimen Melayu akan diundang merasmikan rumah silat itu.

Selain daripada rumah silat, sebuah bangunan di situ digunakan oleh Perkhidmatan Kemajuan Sosial Singapura (SDS). Beberapa lagi bangunan kosong belum ditentukan kegunaannya.

## SILAT

# Penyertaan yang membanggakan

22 OCT 1987

8 Harian (M)

MENTERI Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, mengesahkan 20 negara dijangka menyertai kejuaraan silat dunia di Kuala Lumpur pada 2-9 Disember ini.

Antara negara itu, Indonesia, Singapura, Thailand, Belanda, Jerman Barat, Australia, Yugoslavia, Sepanyol, Perancis, Turki, Amerika Syarikat, Brunei Darussalam, Surinam, Tanzania, Britain, Filipina, Austria dan Malaysia. *Harian Nanyang*

Penyertaan terbesar itu, katanya, membuktikan silat sudah mendapat pengiktirafan antara-bangsa dan perkembangannya tidak disedari oleh masyarakat Melayu di negara ini.

Beliau memberitahu, kejuaraan itu membatik 300 pesilat. Ia dianjurkan bersama oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka), Persekutuan Silat Antarabangsa (Persi-

lat) dan Berita Harian Sdn Bhd. Berucap merasmikan pertandingan seni silat kebangsaan dan Undangan Asean di Stadium Sultan Mohammed Ke-IV, Kota Bharu kelmarin, Datuk Sabbaruddin berkata, perkembangan meluas seni silat ke pelusuk dunia patut menjadi dorongan guru-guru dan ahli silat negara turut mengembangkannya.

Katanya, sudah tiba masanya silat dikembangkan di Institusi Pengajian Tinggi, persatuan-persatuan belia, Polis dan Tentera supaya ia lebih berjaya.

Menteri itu menambah, sebelum ini silat dipelajari sebagai seni memertanahan diri, tetapi perkembangan meluas membuktikan ia diterima sebagai satu sukan.

"Pengiktirafan silat sebagai sukan bertaraf antarabangsa membuktikan ia sudah diterima oleh masyarakat antarabangsa.

